



UCAPAN

YAB DATO' SERI NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA
DI MAJLIS PERHIMPUNAN YAB PERDANA MENTERI
BERSAMA WARGA JPM

PADA : 9 JANUARI 2017

MASA : 8.15 PAGI

TEMPAT : DATARAN PERDANA

BANGUNAN PERDANA PUTRA

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YAB Timbalan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

Tan Sri KSN,

Seterusnya Warga Jabatan Perdana Menteri yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah pagi ini dapat kita melangsungkan perhimpunan pertama pada tahun 2017. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada tuan-tuan dan puan-puan.

Sekarang, kita semua mempunyai kerangka minda yang bersedia untuk menjalankan tanggungjawab dan tugas-tugas dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh supaya tahun 2017 ini dapat kita jadikan sebagai tahun yang berjaya.

Melihat kepada senario dunia, keadaan pada tahun 2016 ini amatlah mencabar dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Walaubagaimanapun, terdapat juga tanda-tanda yang memberi kita pengharapan dan keyakinan bahawa keadaan akan pulih pada tahun ini secara lebih positif. Antaranya kita lihat harga minyak kini berada di paras AS\$54 dolar satu tong selepas Persidangan Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) yang dihadiri oleh Malaysia. Pada tahun 2016, kita lihat harga minyak pada paras AS\$44 satu tong bererti ada sedikit sebanyak pemulihan.

Harga minyak sawit berada pada paras yang agak begitu memberangsangkan, iaitu RM 3,200 berbanding RM 2,600 bagi minyak sawit mentah (CPO) setiap tan pada tahun 2016 dan saya juga difahamkan bahawa harga getah buat masa sekarang ini semakin pulih.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia menjadi kebimbangan sebenarnya dalam konteks dunia, di mana berlaku kemerosotan nilai berbanding Amerika dan Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang terkesan daripadanya.

Mesej yang ingin saya sampaikan pada tahun 2017 ini adalah jadikan tahun 2017 sebagai tahun “*year of delivery*” iaitu kita mesti melaksanakan projek, program, perkhidmatan dan langkah-langkah yang telah kita tentukan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta negara.

Ini harus dijadikan sebagai bidang keutamaan dan fokus kita pada tahun ini, iaitu “*delivery,delivery,delivery*”. Setiap bahagian harus memainkan peranan masing-masing di mana projek harus dijalankan, contohnya pemberian BR1M, keselamatan banjir dan perlu ditegaskan bahawa jangan sesekali mengambil hak rakyat kerana ini semua adalah hak rakyat. Peruntukan yang dibuat adalah untuk rakyat dan jika berlaku ketirisan, rakyat akan hampa dan hilang keyakinan.

Selain itu, penyampaian yang dibuat adalah mengikut jadual dan penyelesaian perlu dibuat sekiranya terdapat kekangan, halangan atau masalah koordinasi. Janganlah kita bertindak secara ‘*silo*’ di mana masing-masing dengan mengatakan itu hak kita, dan orang lain tidak boleh campur kerana ini akan mengakibatkan berlakunya masalah birokrasi yang keterlaluan. Jadi, inilah mesej yang ingin saya sampaikan pada hari ini.

Kepada warga JPM bahawasanya, jadikan tahun 2017 ini sebagai “*year of delivery*” dan fokus kepada perkhidmatan kerajaan untuk rakyat, projek untuk rakyat ,kebajikan untuk rakyat, latihan untuk rakyat, penambahan nilai untuk rakyat dan segalanya untuk rakyat. Saya percaya jika *mindset* kita ke arah *delivery*, kita boleh dan akan menjadikan tahun 2017 ini sebagai tahun yang berjaya. Selamat bertugas.

Sekian terima kasih.

09 Januari 2017